UNTUK SIARAN SEGERA

Pengumuman mengenai Pengarah Urusan Baharu

Petaling Jaya, 21 Mac 2013 - Panasonic Malaysia Sdn Bhd, dengan sukacitanya mengumumkan kenaikan pangkat En Yosuke Matsunaga kepada pangkat Pengarah Urusan.

Matsunaga, yang telah dinaikkan pangkat sejak tahun 2009 sebagai Timbalan Pengarah Urusan Panasonic Deutschland, sebuah subsidiari Jerman Panasonic Corporation akan memikul peranan sebagai Pengarah Urusan Panasonic Malaysia bermula 1hb April 2013 dan menggantikan Jeff Lee yang akan bersara daripada jawatan Pengarah Urusan Panasonic Malaysia.

Matsunaga akan menyumbang pengalaman yang digarap selama 24 tahun kepada syarikat merangkumi pendedahan kepada Produk Sistem Audio Visual, Produk Automasi Pejabat dan Pemasaran Elektronik Konsumer.

Beliau telah bermula di bahagian pemasaran untuk pelbagai jabatan dan syarikat subsidiari dan memegang pelbagai jawatan sebelum menjawat pangkat Pengurus Besar dalam Pemasaran Elektronik Konsumer pada tahun 2003. Dalam tahun 2009, beliau telah dinaikkan pangkat ke Timbalan Pengarah Urusan Panasonic Deutschland.

“Saya gembira serta bersedia menyahut cabaran ini sebagai Pengarah Urusan baru dan saya ingin memupuk kejayaan Panasonic Malaysia ke peringkat yang lebih tinggi. Peluang yang diberi untuk memimpin syarikat sebagai Pengarah Urusan adalah satu penghormatan yang amat tinggi,” kata Matsunaga. “Matlamat saya adalah untuk menjadikan Panasonic lebih penting dan diterima oleh segenap lapisan masyarakat. Saya sangat yakin bahawa bersama pasukan saya, kami akan berupaya memastikan jenama Panasonic sentiasa berada di kedudukan yang kukuh di pasaran melalui pelbagai produk, sokongan perniagaan dan rangkaian rakan niaga yang mantap.”

Panasonic Malaysia juga dengan sukacitanya ingin mengumumkan kenaikan pangkat En Cheng Chee Chung kepada Timbalan Pengarah Urusan Panasonic Malaysia bermula 1hb April 2013.

###

Latar belakang Panasonic Malaysia Sdn Bhd

Panasonic Malaysia Sdn Bhd adalah sebuah syarikat jualan, perkhidmatan dan pemasaran untuk jenama Panasonic bagi rangkaian produk elektrik dan elektronik merangkumi audio visual, kelengkapan rumah, penyaman udara, kamera digital dan video, kelengkapan penyiaran professional, system perniagaan, telekomunikasi, kesihatan dan penjagaan kecantikan hingga ke bateri dan lampu. Semua produk Panasonic boleh didapati menerusi pengedar sah kami di seluruh negara. Untuk maklumat lanjut berhubung jenama dan produk Panasonic, layari laman web kami di www.panasonic.com.my atau hubungi Pusat Perkhidmatan Pelanggan di 03-5543 7600.

Bagi rakan media, sila muat turun siaran akhbar beserta gambar di www.pmpressroom.com

Hubungan Media: Mazlee Mokhtar
Eksekutif Kanan, Komunikasi Korporat & Penjenamaan
Jabatan Pemasaran Inovasi
Tel: 03 7809 7877 Faks: 03 7955 1857 Mobil: 019 383 7164
Emel: mazlee.mokhtar@my.panasonic.com